

19/05/2002

Jamil Jan meninggal

PETALING JAYA: Tan Sri Jamil Jan (gambar), yang memberi sumbangan besar dalam penubuhan Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (Hicom), meninggal dunia di rumahnya di Glenmarie Court dekat sini, tengah hari semalam.

Anaknya, Yusuf berkata, Allahyarham menghidap barah dan sering mendapatkan rawatan perubatan sejak setahun lalu.

Jamil meninggal dunia pada jam 12.45 tengah hari ketika usia 72 tahun. Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam di Shah Alam pada jam 10 pagi ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut menziarahi jenazah Jamil petang semalam.

Ketika ditanya pemberita kemudian, Dr Mahathir menyifatkan pemergian Jamil sebagai kehilangan besar kepada negara.

"Beliau adalah antara mereka yang menubuhkan Proton," kata Dr Mahathir, yang menganggap Jamil sebagai seorang sahabat yang baik.

Jamil meninggalkan isteri Puan Sri Rabeah Othman, 61, tiga orang anak dan lima cucu. Selain Yusuf, dua lagi anaknya ialah Sarina, 35 dan Faizul, 32.

Dilahirkan pada 1 Januari 1930 di Lenggong, Perak, Jamil berkhidmat dengan perkhidmatan awam Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai kementerian dengan jawatan terakhirnya sebagai pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Memandangkan peranan pentingnya dalam penubuhan Hicom, beliau menjadi ketua pegawai eksekutif perbadanan itu dari 1981 hingga bersara pada 1995.

Sebelum meninggal dunia, beliau adalah pengerusi panel pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan menjadi pengarah bukan eksekutif dan pengerusi Persatuan Sadur Timah Malaysia Berhad (Perstima).

(END)